

SIMBOL KEBESARAN DAULAT, MAHKOTA DAN KERIS DALAM *HIKAYAT HANG TUAH*

TENGKU INTAN MARLINA TENGKU MOHD ALI

Universiti Malaya

in_marlin@yahoo.com

SALINAH JA'AFAR

Universiti Malaya

b1salina@um.edu.my

ABSTRAK

Kesultanan Melayu merupakan satu identiti penting bagi masyarakat Melayu tradisional. Taat dan setia kepada raja sudah bertapak kukuh dalam jiwa dan kehidupan sehari-hari mereka. Persepsi kesetiaan masyarakat Melayu tradisional terhadap raja atau sultan jelas dapat dilihat dalam karya-karya sastera tradisional seperti *Hikayat Hang Tuah*, *Sejarah Melayu*, dan lain-lain. Kebanyakan epik atau hikayat menceritakan tentang kebesaran sultan atau raja dan kesetiaan rakyat terhadap raja-raja Melayu. Walaupun terdapat gambaran berkenaan ketidakadilan yang dilakukan oleh raja-raja Melayu, persepsi ketuanan raja dalam masyarakat Melayu tidak dapat dipisahkan daripada amalan kehidupan mereka. Kajian ini berfokus kepada analisis simbol daulat, mahkota dan keris yang dilihat dapat menjadi ikon, simbol dan indeks bagi masyarakat Melayu tradisional dalam persepsi mereka melihat dan berkhidmat kepada raja yang menjadi ketua pentadbiran dan ketua agama yang terkandung dalam teks *Hikayat Hang Tuah*.

Kata Kunci: Kesultanan Melayu; kebesaran sultan; simbol; *Hikayat Hang Tuah*; identiti

SOVEREIGN SYMBOLS OF DAULAT, MAHKOTA AND KERIS IN *HIKAYAT HANG TUAH*

ABSTRACT

Malay Sultanate is an important identity for the Malay traditional community. Obedient and loyal to the king is a must in their daily life. The perception of Malay traditional community loyalty towards their king or sultan can be seen in such of works of literature in the form of an epic like *Hikayat Hang Tuah*, *Sejarah Melayu*, and others. Most of the epics or hikayats elaborate more on the throne and the devotion of the people to the Malay rulers. Even though there were incidents of injustice done by the Malay rulers, the perception of the supremacy of the king in Malay community cannot be separated from the practice of their living. This study focuses on the analysis of sovereign symbols; daulat, mahkota and keris can be seen as icon, symbol and index of traditional Malay society in their perception and serve the king who became chief of administrative and religious leaders as contained in the text of *Hikayat Hang Tuah*.

Keywords: Malay sultanate; sultan minency; symbol; *Hikayat Hang Tuah*; identity

PENDAHULUAN

Hikayat Hang Tuah merupakan sebuah epik kebangsaan Melayu yang teragung. Kehebatan *Hikayat Hang Tuah* telah menarik minat ramai sarjana tempatan dan antarabangsa untuk mengkaji dan meneliti hikayat tersebut. Kassim Ahmad (1964, 1966, 1997) mengkaji watak dan perwatakan dalam hikayat ini, Braginsky (1990), Errington (1982) menulis tentang makna dan struktur *Hikayat Hang Tuah*, Kratz (1993) menulis tentang konsep derhaka dalam *Hikayat Hang Tuah*, dan beberapa lagi sarjana tempatan seperti Muhamad Haji Salleh (2006), Abu Hassan Sham (1993), Lokman Abdul Samad (2001), Nor Hashimah dan Ruzaimah (2008) dan ramai lagi telah mengkaji dan menyelidik pelbagai aspek dalam *Hikayat Hang Tuah*. Kehebatan *Hikayat Hang Tuah* sebagai satu karya Melayu sememangnya telah menarik minat ramai pengkaji untuk mengkaji dan meneliti *Hikayat Hang Tuah*. Sehingga hikayat ini boleh dianggap sebagai satu epik Melayu asli yang terbesar. Selain *Hikayat Hang Tuah*, terdapat karya-karya berunsur epik yang lain dalam bahasa Melayu seperti *Hikayat Pendawa Lima*, *Hikayat Pandawa Jaya*, *Hikayat Amir Hamzah* dan *Hikayat Muhammad Ali Hanafiah*, namun semua karya tersebut merupakan karya saduran daripada bahasa asing (Abu Hassan Sham, 1993).

Sultan atau raja dalam *Hikayat Hang Tuah* merupakan ketua pentadbir kerajaan Melaka yang sangat dihormati dan disanjungi oleh masyarakat Melayu di Melaka pada zaman tersebut. Orang Melayu pada asalnya tidak mempunyai konsep raja. Menurut (Abu Hassan Sham, 1993) konsep raja dalam masyarakat Melayu telah diperkenalkan oleh orang India. Raja menurut konsep Hindu adalah Tuhan di dunia dan kepercayaan ini termaktub dalam kitab tua Hindu bernama *Manu* bahawa Raja itu *God-King*. Setelah kedatangan Islam, konsep Raja dalam masyarakat Melayu telah berubah sedikit daripada Raja sebagai Tuhan kepada Raja itu bayangan Tuhan di dunia. Satu konsep yang didapati dalam kebudayaan Hindu ialah konsep sakti atau *mana* yang menganggap bahawa Raja dan ketua mempunyai kuasa *supernatural* dan mempunyai ilmu untuk menyembuhkan penyakit. Konsep ini diteruskan walaupun orang Melayu telah memeluk agama Islam dengan dikenali sebagai konsep *daulat*.


Pelbagai aspek kajian telah dibuat terhadap *Hikayat Hang Tuah*, namun kajian berkaitan dengan simbol dalam *Hikayat Hang Tuah* masih belum dibuat oleh mana-mana sarjana sebelum ini. Melalui kajian terhadap simbol ini, pengkaji akan melihat cara penulis menggunakan bentuk-bentuk leksikal dalam menggambarkan kebesaran daulat, mahkota dan keris. Penelitian terhadap simbol kebesaran sultan ini secara tidak langsung memperlihatkan pembentukan identiti Melayu. Hal ini kerana raja dengan identiti Melayu sebenarnya tidak dapat dipisahkan. Seperti mana yang disebut oleh Laurent Metzger (2009), sejak dahulu lagi identiti orang Melayu berdasarkan kepada tiga teras, iaitu agama, bahasa dan raja. Kajian ini menganalisis simbol kebesaran daulat, mahkota dan keris dalam *Hikayat Hang Tuah* berdasarkan analisis simbol yang digunakan dalam Teori Semiotik Pierce (1965).

METODOLOGI PENYELIDIKAN

Kertas ini membincangkan tentang pengguna simbol daulat, mahkota dan keris yang digunakan dalam penulisan *Hikayat Hang Tuah*. Kajian menggunakan kaedah analisis kandungan yang memberi tumpuan kepada pembacaan dan kajian individual dan pembacaan teliti. Konsep daulat, mahkota dan keris menjadi fokus kajian ini merujuk kepada pembacaan terhadap teks *Hikayat Hang Tuah* dan melihat bagaimana konsep-konsep tersebut boleh dijadikan simbol dalam memperlihatkan hubungan kebesaran raja pada zaman kesultanan Melaka dalam aspek penceritaan hikayat. Analisis konsep diuraikan dengan menggunakan teori semiotik yang dibawa oleh Peirce (1965).

SIMBOL

Bagi semiotik Peirce (1965), tanda dapat dikenal pasti melalui proses semiosis dalam tiga kategori, iaitu: pertama hasil pemahaman persembahan (*representamen*), kedua objek (*object*), dan ketiga interpretasi (*interpretant*). Tanda merupakan hubungan segi tiga (*triadic*) yang asli (*genuine*) seperti yang boleh dilihat dalam rajah di bawah:



Rajah 1. Segi tiga Semiotik Peirce

Teori segitiga semiotik juga pernah disebut oleh Odgen dan Richards (1923) dalam buku *The Meaning of Meaning*. Namun, teori yang dikemukakan oleh Odgen dan Richards adalah berfokus kepada aspek linguistik. Bagi Peirce, erti *tanda* yang sebenarnya ialah mengemukakan sesuatu yang dikenali juga sebagai '*denotatum*'. Apa yang diwakili oleh *tanda*, apa yang diacunya, yang ditunjuknya, disebut oleh Peirce dalam bahasa Inggeris sebagai *object*, dan juga digunakan kata *designatum* atau *denotatum*. Pada tahap pertama tanda, tanda yang dipilih (*representamen*), dibahagikan kepada tiga jenis, iaitu kualiti (*Qualisign*), individu (*Sinsign*) dan konvensional (*Legisign*). Pada tahap kedua, iaitu objek, tanda dibahagi kepada ikon, indeks dan simbol. Akhirnya pada tahap ketiga, iaitu hasil interpretasi (*interpretant*), tanda dibahagikan kepada tanda yang mewakili objek dari aspek kualiti (*rheme*), tanda yang mewakili objek pada kewujudan yang sebenar (*dicent signs*) dan tanda yang mewakili objek dari aspek peraturan atau kebiasaan (*argument*).

Kajian ini hanya mengambil konsep simbol, iaitu tanda di bawah tahap kedua dalam semiotik Peirce. Simbol dan makna sangat berkaitan antara satu sama lain. Hal ini kerana makna-makna tertentu dapat dirungkaikan daripada simbol, dan simbol pula melambangkan atau memperlihatkan makna-makna yang tertentu. Menurut *Oxford Dictionary* (2012), simbol bermaksud perkara yang melambangkan sesuatu yang berbentuk objek, idea, fungsi atau proses. Simbol ialah tanda yang merujuk kepada objek, yang menunjuk kepada peraturan (*law*), biasanya merupakan gabungan idea-idea umum (*general ideas*) (Peirce, 1965). Oleh itu, simbol merupakan salah satu jenis tanda yang bersifat arbitrari dan konvensional yang membawa fungsi dan makna yang tersendiri. Simbol tidak ada kaitan dengan peristiwa sebenar. Kris Budiman (1999) mengatakan simbol merupakan ekuivalen daripada pengertian Saussure tentang tanda. Istilah simbol biasanya diguna secara luas dengan pengertian yang beraneka ragam yang harus difahami secara teliti dan berhati-hati.

Simbol sebagai salah satu jenis tanda mempunyai ciri yang menunjukkan hubungan antara tanda dengan denotatumnya ditentukan oleh suatu peraturan yang berlaku secara umum (Aart van Zoest, 1993) atau dikatakan sebagai tanda yang berhubung dengan objek tertentu semata-mata kerana kesepakatan (Paul Cobley & Litza Janz, 1998). Hubungan itu merupakan hubungan yang sudah terbentuk secara konvensional, dan tidak menunjukkan hubungan alamiah antara penanda dan petandanya. Sekiranya sesuatu simbol itu difahami oleh semua kelompok atau sebahagian besar kelompok tersebut, maka simbol itu bersifat universal. Jadi hubungannya adalah bersifat arbitrari dan berdasarkan konvensi masyarakat (Panuti Sudjiman & Aart van Zoest, 1992, Rachmat Djoko Pradoppo, 1993). Misalnya,

simbol lalu lintas ialah simbol universal yang difahami oleh manusia seluruh dunia. Tanda isyarat lalu lintas telah difahami oleh masyarakat dunia, iaitu *merah* sebagai tanda berhenti, *hijau* sebagai tanda boleh meneruskan perjalanan dan tanda *kuning* sebagai bersedia untuk berhenti. Simbol *kucing hitam* dianggap sebagai tanda malang oleh masyarakat Melayu manakala masyarakat tradisional Barat juga menganggap bahawa *kucing hitam* sebagai simbol kejahanan. Bagi generasi hari ini, tanda *kucing hitam* kian dilupai.

Simbol sering diungkapkan dalam kesusasteraan kerana simbol dapat mengungkap makna dalam sesebuah karya sastera. Terdapat simbol-simbol tertentu dikatakan bersifat konvensional kerana diterima dan digunakan dalam sesuatu masyarakat sahaja (Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali, 2007) Misalnya simbol *kumbang* dan *bunga* sering dijumpai dalam karya sastera terutama dalam puisi. Dalam masyarakat Melayu simbol *kumbang* sinonim dengan lelaki atau teruna, manakala simbol *bunga* pula sinonim dengan wanita atau gadis. Penggunaan simbol juga dapat memberi interpretasi baru terhadap sesuatu yang diungkapkan dalam karya sastera. Kajian yang menggunakan konsep simbol ini mampu mengungkap bagaimana pengkarya menghasilkan sesuatu konsep penceritaan yang sesuai dengan konteks peristiwa dan latar penceritaan itu sendiri. Melalui pengenalpastian konsep simbol ini pemikiran dan idea yang dihasilkan oleh pengarang akan menjadi lebih jelas kepada pembaca umumnya dan pengkaji sastera khususnya.

Simbol kebesaran daulat, mahkota dan keris sangat difahami oleh masyarakat Melayu terutama masyarakat Melayu tradisional. Mereka sangat taat kepada Raja mereka. Terdapat banyak simbol yang memperlihatkan kebesaran raja-raja Melayu dahulu dan simbol kebesaran itu masih diwarisi oleh raja dan masyarakat Melayu sehingga ke hari ini. Lanjutan dari itu, artikel ini menganalisis simbol-simbol daulat, mahkota dan keris yang digunakan bagi menggambarkan kebesaran raja Melayu dalam *Hikayat Hang Tuah*. Daulat, mahkota dan keris boleh dianggap sebagai turunan budaya yang diwarisi dari zaman ke zaman. Budaya yang dibawa turun-temurun ini juga kelihatan semakin pudar dalam kalangan generasi muda pada zaman sekarang.

Simbol Daulat

Perkataan *daulat* pada satu masa dahulu merupakan satu perkataan yang sentiasa menjadi sebutan masyarakat Melayu apabila berbicara mengenai hal-hal yang berkaitan dengan raja atau sultan. Masyarakat Melayu tradisional amat mempercayai kedaulatan yang ada pada raja atau sultan yang memerintah. Bahkan, waris raja atau sultan juga dianggap sebagai golongan yang memiliki kedaulatan. Namun begitu, setelah negara Malaysia memperoleh kemerdekaan, institusi beraja telah diubah kepada institusi raja berpelembagaan. Sejak dari itu konsep *daulat* mengalami perubahan. Raja atau sultan dilihat telah hilang kuasa luar biasa dan kedaulatan raja hanya dilihat sebagai simbol ketua negeri dan ketua agama sesebuah negeri.

Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) mentakrif perkataan *daulat* sebagai: 1. bahagia, kebahagiaan (pd raja-raja yg memerintah); 2. ya, benar (digunakan ketika menyambut titah raja dsb); 3. kuasa (raja, kerajaan); 4. ark tulah; ditimpa ~ kena tulah (raja); ~ dirgahayu mudah-mudahan berbahagia dan lanjut usia; ~ tuanku a) benar tuanku, ya tuanku; b) berbahagialah tuanku; berdaulat 1. bertuah, berbahagia; 2. mempunyai kuasa (yg tertinggi): raja yg ~; 3. (merdeka dan) berkuasa atau berhak sepenuhnya di atas urusan atau pemerintahan sendiri; negara yg merdeka dan ~; 4. mempunyai kedudukan yg tinggi dan berkuasa, berwibawa: bahasa Melayu dapat menjadi bahasa yg ~ di negeri kita, bukan bahasa Inggeris atau bahasa asing yg lain; berdaulat 1. bertuah, berbahagia; 2. mempunyai kuasa (yg tertinggi): raja yg ~; 3. (merdeka dan) berkuasa atau berhak sepenuhnya di atas urusan atau

pemerintahan sendiri: negara yg merdeka dan ~; 4. mempunyai kedudukan yg tinggi dan berkuasa, berwibawa: bahasa Melayu dapat menjadi bahasa yg ~ di negeri kita, bukan bahasa Inggeris atau bahasa asing yg lain; mendaulat 1. menjunjung (mengabdi, berkhidmat kpd raja); 2. Id, bp merampas (kekuasaan dll) dgn tidak sah, menurunkan orang berpangkat atau berkuasa (spt raja dll) dr kedudukannya dgn paksaan: Raja Faruk telah didaulat oleh rakyat Mesir; mendaulatkan menjadikan berdaulat, mem-beri hak (kuasa dll), menjadikan berwibawa: perjuangan hendak ~ Bahasa Kebangsaan bukan perjuangan baru; kedaulatan kekuasaan yg tertinggi: ~ Raja-raja Melayu diakui oleh perlombagaan; ~ rakyat demokrasi; ~ undang-undang kedudukan undang-undang sesebuah negara sbg kuasa tertinggi yg mesti dihormati dan dipatuhi oleh semua pihak atau lapisan masyarakat; pendaulatan perihal atau perbuatan mendaulatkan: ~ Bahasa Kebangsaan; pendaulat 1. bp orang yg mendaulat; 2. orang atau pihak yg mendaulatkan: kononnya negara itu dianggap sbg ~ demokrasi.

Maka *daulat* bermaksud bahagia atau kebahagiaan kepada raja-raja yang memerintah. *Daulat* juga digunakan bagi menggambarkan kebesaran raja yang menjadi pegangan rakyat supaya sentiasa taat dan setia kepada raja. Rakyat yang tidak taat atau setia kepada raja dikatakan akan “ditimpa *daulat*” atau mengalami “tulah”, iaitu satu bentuk sumpah yang akan menimpa rakyat yang menderhaka kepada raja. Perkataan *daulat* juga merupakan simbol kebesaran sultanyang digunakan oleh rakyat setiap kali mengadap dan bertemu raja. Rakyat zaman dahulu akan sentiasa menyebut “*daulat Tuanku*” yang membawa maksud “Bahagialah Tuanku”, tetapi ditimpa *daulat* bukan bermaksud ditimpa bahagia, sebaliknya bala petaka yang akan diperoleh kerana tidak mentaati Raja. Skeat (1984) mengatakan bahawa *daulat* adalah berkaitan dengan mitos mengenai pantang larang kepada rakyat yang dengan hubungan antara rakyat dan raja yang dikatakan mempunyai kesucian dan kuasa luar biasa.

Dalam *Hikayat Hang Tuah*, *daulat* sentiasa digunakan dalam setiap komunikasi dengan raja, ungkapan *daulat* digunakan dalam setiap permulaan kata-kata atau dalam setiap perbualan antara pembesar atau rakyat dengan raja menunjukkan sembah hormat mereka terhadap raja. Penggunaan kata *daulat* boleh dilihat dalam teks di bawah:

“*Daulat* Tuanku, seharusnya lebu telapakan paduka betara memberi kurnia akan hamba tua itu, tetapi patik mohonkan ampun dan kurnia, baik juga anaknya itu duli tuanku ber bertemu dengan bapanya” maka sembah kembiri itu.

(*Hikayat Hang Tuah*, 1997: 43-44)

Maka sembah bendahara dan Tun Tuah, “*daulat* tuanku, ampun dan kurnia, manakalah duli yang dipertuan akan berangkat berpindah ke negeri Melaka itu?

(*Hikayat Hang Tuah*, 1997: 60)

Maka sembah Bendahara “*Daulat* Tuanku, seharusnya duli tuanku pohonkan paduka adinda akan menjadi Raja muda di negeri Melaka ini, kerana duli tuanku tiada berkapit”.

(*Hikayat Hang Tuah*, 1997: 60)

Daulat seperti yang dijelaskan di atas turut berbentuk sumpahan kepada sesiapa yang tidak menghormati dan mengikut perintah raja atau menderhaka kepada raja. Hal ini ada disebut dalam *Sejarah Melayu*. Dalam *Sejarah Melayu*, diceritakan setiap wanita yang menjadi isteri Sang Sapurba akan mendapat penyakit kedal kerana tulah baginda. Namun Wan Sendari anak kepada Demang Lebar Daun terselamat daripada mendapat penyakit kedal. Hal ini disebabkan perjanjian yang telah dibuat antara Demang Lebar Daun dengan Sang Sapurba. Demang Lebar Daun terfikir untuk membuat perjanjian tersebut kerana Sang Sapurba ialah seorang raja yang besar dan isteri-isterinya yang terdahulu telah terkena tulah baginda. Maharaja China turut mendapat penyakit kedal akhirnya sembuh setelah meminum air basuh kaki Sultan Melaka. Penyakit kedal yang disebabkan *daulat* atau tulah Raja ini

memperlihatkan kebesaran seorang raja. Namun penyakit kederal disebabkan daulat ini tidak terdapat dalam *Hikayat Hang Tuah*.

Daulat bukan sahaja melambangkan kebesaran raja atau sultan pada zaman kesultanan Melaka, tetapi juga melambangkan betapa sultan pada masa tersebut mempunyai satu kuasa yang luar biasa. Sehinggakan sesiapa sahaja yang menderhaka kepada sultan atau raja akan mendapat bala, walaupun tidak secara terang-terangan. Oleh sebab *daulat* inilah menjadikan masyarakat Melayu sebagai masyarakat yang amat taat dan setia kepada sultan. *Daulat* melambangkan kemuliaan dan kesucian raja, maka disebabkan itu rakyat menganggap bahawa sultan tidak boleh dihina atau dicaci. Penghinaan terhadap raja atau sultan secara langsung atau tidak langsung akan membawa kemudarat kepada mereka. Masyarakat Melayu dahulukala menganggap *kedaulatan* raja berkait rapat dengan kuasa mistik.

Jelas bahawa daripada komunikasi yang terkandung dalam *Hikayat Hang Tuah*, *daulat* membawa maksud memuliakan raja dan kerabat baginda. Melalui penggunaan simbol *daulat* membentuk identiti taat setia masyarakat Melayu terhadap raja mereka. Taat setia yang tidak berbelah bahagi terhadap raja ini menjadi satu lambang dalam sistem pemerintahan beraja dari dahulu hingga sekarang. Walaupun perubahan zaman telah meletakkan sistem pemerintahan beraja kepada sistem raja berpelembagaan, amalan dan kepercayaan masyarakat Melayu terhadap kedaulatan raja masih lagi dipraktikkan.

Simbol Mahkota

Mahkota ialah perhiasan yang sering dikaitkan dengan raja dan golongan istana. Hal ini kerana mahkota sering dipakai oleh raja dan golongan istana dalam majlis-majlis diraja atau ketika menghadiri sebarang majlis rasmi dan sebagainya. Mahkota melengkapkan lagi pakaian diraja. Kewujudan mahkota sebagai simbol kebesaran raja telah ditonjolkan terlebih dahulu oleh pengarang dalam *Hikayat Hang Tuah* melalui kelahiran Sang Sapurba. Mahkota Sang Sapurba telah dilahirkan oleh bondanya Tuan Putri Kemala Ratna Pelingga sejurus selepas baginda dilahirkan. Peristiwa ini digambarkan dalam petikan seperti berikut:

“Maka bulan pun genaplah; maka datanglah pada dewasa akan beranak, maka tuan putri Kemala Ratna Pelinggam pun berputralah seorang laki-laki terlalu elok rupanya seperti empat belas haribulan, berseri-seri, serta keluar itu dengan mahkotanya.”

(*Hikayat Hang Tuah*, 1997: 5)

Kepentingan mahkota raja turut dapat dilihat menerusi kelengkapan pakaian raja kerana tanpanya di atas kepala, pakaian raja tidak dianggap sebagai lengkap. Hal ini dipaparkan dalam *Hikayat Hang Tuah* ketika Sang Maniaka memakai pakaian dirajanya:

“Maka pada ketika yang baik, maka Sang Maniaka pun memakai pakaian kerajaan dan mahkota di Bukit Siguntang itu pun dipakai oleh baginda.”

(*Hikayat Hang Tuah*, 1997: 17)

Mahkota dalam *Hikayat Hang Tuah* merujuk kepada mahkota yang dimiliki oleh raja yang berasal dari Bukit Siguntang. Mahkota tersebut telah memberi impak yang besar dalam sejarah kehancuran Melaka. Tanda atau alamat kejatuhan kerajaan Melaka telah ditunjukkan apabila mahkota yang menjadi simbol kebesaran raja itu telah jatuh ke dalam air lalu disambar oleh buaya putih. Peristiwa ini memberi makna yang tersirat di sebaliknya. Kejadian ini merupakan petanda kepada perkara yang tidak baik, di mana Melaka kemudiannya telah ditakluk oleh penjajah Barat. Melalui kejadian yang memperlihatkan makna tersirat ini menunjukkan bahawa mahkota telah menjadi satu simbol kebesaran raja sehinggakan jika mahkota itu hilang daripada simpanan raja, maka itu akan memberikan makna sesuatu perkara yang tidak baik akan berlaku.

Peristiwa jatuhnya mahkota raja Melaka ini dikupas oleh Abu Hassan Sham (1993). Abu Hassan Sham mengatakan dengan kehilangan mahkota akibat raja memandang ke bawah perahu mahu melihat ikan bersisikkan emas dan bermatakan manikam. Ini bermakna negeri kota Melaka akan dikalahkan oleh musuhnya yang datang dari arah laut. Perkara ini ternyata benar kemudiannya, angkatan Feringgi yang mengalahkan Melaka merupakan angkatan yang datangnya dari seberang laut. Ikan emas pula melambangkan kemakmuran Melaka pada masa itu. Semasa Kerajaan Kesultanan Melaka dikalahkan, negeri Melaka merupakan sebuah pusat perdagangan di Timur yang makmur. Emas dan kekayaan mencurah-curah datang ke Melaka pada masa itu. Pada saat kegemilangan itu juga Melaka dikalahkan oleh kuasa luar. Raja Melaka dan rakyat terlalu leka dengan kemewahan sedangkan pertahanan Melaka pada ketika itu tidaklah begitu kuat. Tambahan pula Laksamana pada masa itu sudah tua, manakala taat setia pedagang luar tidak dapat ditentukan dengan pasti. Perihal kehilangan mahkota raja Melaka tersebut diceritakan dengan jelas dalam petikan di bawah:

“...maka baginda pun bangkit berjalan ke tepi perahu itu lalu baginda memandang ke bawah perahu itu. Maka dengan takdir kehendak Allah Taala atas hambanya, maka **mahkota** yang dipakai baginda itu pun jatuh ke dalam air. Maka baginda pun terkejut seraya menampar-nampar pahanya, seraya berkata, "Wah! Sayangnya mahkota jatuh ke dalam air!"....."..... "Setelah hampir sampai ke perahu, maka datang seekor buaya putih, lalu disambarnya keris patik, dapat ke mulutnya. Maka patik pun terkejut. Maka **mahkota** itu pun terlepas pada tangan patik; serta patik usir buaya putih itu, patik pegang ekornya. Maka dibawanya patik tenggelam. Maka patik pun lemas lalu patik timbul”.

(*Hikayat Hang Tuah*, 1997: 457)

“Demikianlah sentiasa pada selat itu segala sakai mengambil ikan, datang kepada akhir zaman pun demikianlah juga. Sebermula baginda pun selama kehilangan **mahkota** itu tubuh baginda pun gila-gila akan demam dan sakit kepala, sehingga kedatangan ajal juga lagi. Demikianlah perinya raja Melaka dan Laksamana itu dihikayatkan oleh orang.”

(*Hikayat Hang Tuah*, 1997: 457)

Selepas kehilangan mahkota tersebut, kerajaan Melaka mula menampakkan tanda-tanda kejatuhan. Akibat daripada kehilangan mahkota itu juga, sultan Melaka ditimpa penyakit sehingga sehingga baginda mangkat akibat penyakit yang tidak sembah. Oleh sebab itu, maka amat jelas bahawa mahkota bukan sahaja simbol kebesaran raja, tetapi juga mewakili tanda kegemilangan atau kejatuhan sesebuah kerajaan. Mahkota merupakan satu simbol kebesaran yang amat penting dalam institusi raja. Dalam kitaran kerajaan beraja, hanya putera mahkota sahaja yang akan layak untuk mengambil alih tampuk pemerintahan dari sultan apabila sultan mangkat. Bagi pengganti raja, setelah dimahkotakan barulah mereka layak untuk menjadi pemangku raja atau pengganti kepada sultan.

Simbol mahkota ini bukan sahaja menunjukkan kebesaran raja dalam kalangan masyarakat Melayu, bahkan juga turut diperaktikkan oleh institusi beraja di negara lain. Di negara Jepun misalnya, mahkota adalah lambang kebesaran raja yang memerintah, begitu juga di negara Britain, di mana mahkota dijadikan simbol kebesaran raja Britain yang menjadi ketua negara. Oleh itu, boleh dikatakan bahawa mahkota merupakan simbol kebesaran raja yang universal sifatnya.

Simbol Keris

Keris juga merupakan satu lambang identiti Melayu yang menjadi simbol kekuatan dan keagungan kerajaan Melayu. Umumnya keris amat dikenali sebagai senjata orang

Melayu tradisional. Bentuknya yang pelbagai, ada yang panjang dan ada yang pendek, berkeluk-keluk, tajam serta mempunyai sarung. Fungsi keris pada zaman dahulu adalah sebagai senjata untuk mempertahankan diri, manakala pada zaman sekarang keris hanya dijadikan sebagai perhiasan di rumah, pejabat dan sebagainya, serta dipakai sebagai melengkapi pakaian rasmi dalam majlis-majlis tertentu seperti majlis diraja. Keris ini yang menjadi lambang kebanggaan orang Melayu jika dilihat pada zaman dahulu, keris mempunyai asal usul dan sejarah yang tersendiri. Terdapat banyak keris yang ada di negara kita tetapi yang paling popular pada zaman kesultanan Melaka ialah Keris Taming Sari.

Dalam *Hikayat Hang Tuah*, keris digunakan dalam upacara-upacara tertentu di istana dan mempunyai fungsi dalam pelantikan pembesar-pembesar raja. Keris turut dijadikan oleh Raja sebagai hadiah kepada sesiapa yang dikehendaki oleh baginda. Keris juga digunakan sebagai mewakili penghargaan Raja terhadap jasa dan bakti yang dicurahkan oleh pembesar atau rakyat baginda. Keris Taming Sari merupakan keris yang telah digunakan oleh Laksamana Hang Tuah semasa berkhidmat sebagai laksamana Melaka. Keris ini amat terkenal dan dikatakan mempunyai kuasa sakti, iaitu ketika bertarung pemiliknya tidak lut dimakan senjata lawan ataupun kebal. Keris ini dikatakan juga berupaya berlebar di udara ketika mengejar musuh walau ke mana sahaja musuh itu berlari. (http://ms.wikipedia.org/wiki/Keris_Taming_Sari)

“.... pun suka melihat Tun Tuah bertikam dengan Taming Sari itu. Maka Tun Tuah pun fikir dalam hatinya: ‘Apa juga dipakainya maka tiada lut kuperang? Tetapi pada firasatku sebab **kerisnya** inilah maka ia tiada dapat ditentang lawan dan tiada lut kuperang tubuhnya ini. Jikalau demikian, apa juga kehendaknya? Baiklah kerisnya ini kuperdayakan.’ “

(*Hikayat Hang Tuah*, 1997: 146)

Keris Taming Sari pada asalnya adalah kepunyaan Taming Sari, seorang pahlawan Jawa. Beliau telah diarahkan oleh Patih Gajah Mada, Betara Majapahit untuk membunuh Hang Tuah. Taming Sari telah memasuki istana Seri Betara Majapahit dan telah mengamuk dan membunuh ramai orang. Hang Tuah yang berada di situ telah bertarung dengan Taming Sari dan telah membunuh beliau. Keris Taming Sari telah jatuh ke tangan Hang Tuah dan beliau telah mempersembahkan keris itu ke hadapan Seri Betara Majapahit. Seri Betara Majapahit kemudiannya telah menganugerahkan Keris Taming Sari kepada Laksamana Hang Tuah di atas kejayaan Hang Tuah mengalahkan Taming Sari.

“...paseban. Maka bangkai pun terlalu banyak dibawa oleh orang pulang ke rumahnya. Maka bangkai Taming Sari pun ditarik oranglah lalu digantungkannya di tengah pesara itu. Maka **keris** Taming Sari itu dipersembahkannya oleh Tun Tuah pada Seri Betara. Maka dilihat oleh Seri Betara keris itu; maka titah Seri Betara, "Adapun keris ini anugerah kitalah pada ..." ”

(*Hikayat Hang Tuah*, 1997: 147)

Keris Taming Sari pernah dicuri oleh Sang Kertaksa, atas arahan Patih Gajah Mada dan Seri Betara Majapahit yang ingin membunuh Laksamana Hang Tuah. Laksamana Hang Tuah bagaimanapun berjaya mendapatkan semula Keris Taming Sari dengan menggunakan kebijaksanaan beliau.

“...itu pun habis tidur terlalu cederanya. Maka Laksamana pun masuk ke dalam istana itu lalu ke peraduan. Maka dilihatnya ada sebuah peti tujuh lapis. Maka fikir Laksamana. ‘Adapun **kerisku** ini ditaruhnya di dalam peti inilah gerangan ditaruhnya.’ Maka Laksamana pun segera membuka peti itu. Maka dilihatnya keris itu di dalam peti kecil. Maka diambilnya; maka ...” ”

(*Hikayat Hang Tuah*, 1997: 270)

Setelah difitnah oleh Patih Kerma Wijaya, Laksamana Hang Tuah telah dibuang negeri oleh Paduka Sultan Melaka. Keris Taming Sari telah baginda berikan kepada Hang Jebat yang telah dilantik menjadi Laksamana menggantikan Hang Tuah. Hang Jebat kemudiannya telah memasuki istana Sultan Melaka dan mengamuk membunuh ramai rakyat jelata. Hang Tuah yang disembunyikan oleh Paduka Bendahara telah dipanggil oleh Sultan Melaka untuk bersemuka dengan Hang Jebat. Semasa bertarung Hang Tuah telah merampas Keris Taming Sari dari Hang Jebat dan telah menikam dan membunuh beliau.

“...Laksamana, katanya, "Hai Si Tuah, demi Allah, bunuhlah aku, kerana tiada berkeris." Maka Laksamana pun undur sedikit, seraya katanya sambil tertawa, "Hai saudaraku, kerana **kerisku** dianugerahkan oleh Betara Majapahit; sebab itulah maka aku ambil pula daripadamu." Maka sahut Hang Jebat, "Hai Laksamana, manatah katamu hulubalang besar lagi berani ... “

(*Hikayat Hang Tuah*, 1997: 346)

Ketika Sultan Mahmud meninggalkan Melaka, baginda membawa keris ini bersama ke Kampar, Sumatera. Baginda kemudiannya telah mengurniakan Keris Taming Sari ini kepada anakanda baginda, Raja Mudzaffar, yang kemudiannya berangkat ke Perak. Keris Taming Sari inilah yang telah digunakan pada adat kebesaran diraja Perak. Keseluruhan sarung keris ini diselaputi oleh dedaun emas. Kajian Muzium Perak mendapati keris Taming Sari menepati ciri-ciri termasuk gambar rajah yang terdapat pada manuskrip Taming Sari bertulisan jawi kuno yang dipercayai ditulis pada abad ke-15.

Berdasarkan analisis di atas, jelas bahawa keris bukan sahaja menjadi simbol dan ikon bagi budaya masyarakat Melayu, tetapi juga menjadi simbol kebesaran kepada kerajaan dan raja sendiri. Keris Taming Sari menjadi amat popular sebagai simbol kemegahan kesultanan Melaka kerana keris tersebut dianggap sebagai satu lambang kekuatan dan keagungan pemerintahan zaman kesultanan Melaka. Seperti yang terdapat dalam *Hikayat Hang Tuah*, keris Taming Sari dijadikan ikon yang mempunyai kuasa dan menjadi rebutan dalam kalangan pemerintah dan juga pembesar-pembesar. Bahkan, simbol keris Taming Sari turut digunakan dalam manuskrip Taming Sari yang dipercayai ditulis pada abad ke-15 dan dimasukkan ke dalam sejarah adat kebesaran diraja Perak.

Keris pada hari ini masih digunakan sebagai alat dalam menjalankan adat-istiadat diraja seperti dalam majlis pertabalan dan sebagainya. Secara umumnya, keris pada hari ini tidak lagi digunakan sebagai senjata untuk mempertahankan diri, dan tidak lagi mempunyai kuasa seperti mana yang digambarkan dalam *Hikayat Hang Tuah*, namun peranan keris sebagai satu simbol kebesaran raja masih kekal dalam pemahaman dan pemikiran masyarakat Melayu.

PENUTUP

Simbol kebesaran dalam kertas kerja ini dianalisis melalui simbol daulat, mahkota dan keris ini tidak dapat menganalisis keseluruhan persepsi masyarakat Melayu tradisional terhadap tanda kebesaran sultan. Namun, perbincangan ini memperlihatkan percambahan idea terhadap pencarian identiti Melayu melalui ketaatan mereka kepada raja dan kepercayaan mereka terhadap kebesaran raja. Orang Melayu tradisional sangat mempercayai kuasa, kebesaran dan kedaulatan raja, maka simbol daulat, mahkota dan keris yang dianalisis dalam artikel ini merupakan suatu pembentukan identiti yang jelas ada pada masyarakat Melayu. Orang Melayu sangat sinonim dengan sikap taat terhadap raja. Oleh yang demikian simbol daulat, mahkota dan keris dalam artikel ini telah dapat merungkai makna dalam memperlihatkan kebesaran sultan mereka. Simbol daulat, mahkota dan keris ini masih kekal fungsinya sebagai tanda kebesaran raja dan masih digunakan oleh masyarakat Malaysia

amnya dan oleh masyarakat Melayu khususnya terutama dalam hal-hal yang berkaitan dengan adat-istiadat istana dan hal-hal yang berkaitan dengan kaum kerabat diraja.

Dalam konteks raja berpelembagaan yang diamalkan di Malaysia, raja atau sultan masih berfungsi sebagai simbol ketuanan Melayu. Raja berpelembagaan diletakkan di bawah satu badan induk yang dikenali sebagai Majlis Raja-raja. Majlis Raja-raja bukan sahaja agung tetapi juga unik kerana Majlis ini merupakan satu-satunya institusi yang sedemikian rupa wujud di dunia pada masa kini. Apabila negara mencapai kemerdekaan, penubuhan Majlis Raja-raja telah dikanunkan mengikut Perkara 38 Perlembagaan Persekutuan. Maka oleh sebab itu kajian mengenai simbol kebesaran ini masih memerlukan kajian yang mendalam dan teliti, terutama untuk dijadikan sebagai panduan dan juga pengetahuan akan datang. Kajian ini juga jika dapat dikembangkan akan mampu menghasilkan satu bentuk kajian ilmiah yang dapat mengungkap identiti Melayu secara menyeluruh.

RUJUKAN

- Abu Hassan Sham. 1993. *Pemahaman dan penghayatan beberapa aspek Hikayat Hang Tuah*. Kajang: MASA Enterprise.
- Ahmad, K. 1964. *Perwatakan dalam Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad, K., & Mohamed, N. 1997. *Hikayat Hang Tuah*. Terbitan bersama Yayasan Karyawan dan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad, K. 1966. *Characterisation in Hikayat Hang Tuah: a general survey of methods of character-portrayal and analysis and interpretation of the characters of Hang Tuah and Hang Jebat* (Vol. 8). Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Braginsky, V. I. 1990. *Hikayat Hang Tuah: Malay epic and Muslim mirror: some considerations on its date, meaning and structure*. Bijdragen tot de Taal-, Land-en Volkenkunde, 146(4), 399-412.
- Errington, S. E. 1982. *A study of genre: meaning and form in the Malay “Hikayat Hang Tuah”*. University Microfilms.
- Haji Salleh, M. 2006. A Malay knight speaks the white man's tongue: notes on translating the Hikayat Hang Tuah. *Indonesia and the Malay World*, 34(100), 395-405.
- Kassim Ahmad, N. M. 1997. *Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kratz, E. U. 1993. *Durhaka. The concept of treason in the Hikayat Hang Tuah*. South East Asia Research, 1(1), 68-97.
- Maier, H. M. 2004. *We are playing relatives: a survey of Malay writing* (Vol. 215). Koninklyk Instituut Voor Taal Land.
- Parnickel, B. B. 1976. *An epic hero and an “Epic Traitor” in the Hikayat Hang Tuah*. Bijdragen tot de Taal-, Land-en Volkenkunde, 132(4), 403-417.
- Lokman Abdul Samad. 2001. *Hikayat Hang Tuah: suatu pembicaraan karya agung dari pelbagai aspek*. Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah.
- Sheppard, M. C. F. (Ed.). 1959. *The adventures of Hang Tuah* (Vol. 4). D. Moore.
- Sutrisno, S. 1979. *Hikayat Hang Tuah: analisa struktur dan fungsi*. Doctoral dissertation, Fakultas Sastra dan Kebudayaan, Universitas Gadjah Mada.
- Matheson, V. 1979. Concepts of Malay ethos in indigenous Malay writings. *Journal of Southeast Asian Studies*, 10(02), 351-371.
- Nor Hashimah, J., & Ruzaimah, R. 2008. Rasuah dalam karya sastera melayu klasik: satu analisis dalam semantik kognitif. *Jurnal e-Bangi*, 1-32.

- Peirce, Charles Sanders. 1965. *Collected papers Charles Sanders Peirce* (Vol I & II). Cambridge Massachusett: The Belkap Press of Havard University Press.
- Oxford Dictionary. 2012.
<http://oxforddictionaries.com/words/what-is-the-name-of-the-symbol>. Oxford University Press. (1 Ogos 2012)
- Kris Budiman. 1999. *Kosa kata semiotika*. Yogyakarta: Gambiran UH.
- Kassim Ahmad (Peny.). 1975. *Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Megat Lutfi Megat Rahim. 21 Februari 2013. "Cerita Taming Sari adalah benar". *Kosmo*. (http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2012&dt=1104&pub=Kosmo&sec=Rencana_Utama&pg=ru_07.htm#ixzz2LUvBO3i6)
- Metzger, Laurent. 2009. *Nilai-nilai Melayu: satu sudut pandangan orang luar*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Van Zoest, Aart. 1993. *Semiotika: tentang tanda, cara kerjanya dan apa yang kita lakukan dengannya*. Terj. Jakarta: Yayasan Sumber Agung.
- Rachmat Djoko Pradoppo. 1993. *Pengkajian puisi: analisis strata norma dan analisis struktural dan semiotik*. Jakarta: Gadjah Mada University Press.
- Panuti Sudjiman dan Aart van Zoest (Peny.). (1992). *Serba-serbi semiotika*. Jakarta: Penerbit PT Gramedia Utama.
- Shamrahayu A. Aziz. 2012. Kuasa dan Peranan Raja-Raja dalam Perlembagaan: Sejarah dan Masa Depan. Kertas kerja Seminar Perlembagaan Malaysia anjuran Arkib Malaysia, 5 Julai 2012 di Auditorium Memorial Tunku Abdul Rahman Putra, Kuala Lumpur.
- Skeat W. W. 1984. *Malay magic*. Singapore: Oxford University Press.
- Tengku Intan Marlina Tengku Mohd. Ali. 2007. *Semiotik dalam novel-novel Anwar Ridhwan*. Tesis Ph.D. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Tengku Intan Marlina dan Mohamad Shaidan. 2009. *Semiotik Peirce: penandaan dan pemaknaan*. Kuala Lumpur: Quest Ahead Sdn. Bhd.
- Yang Dipertuan Agong. 2003.
<http://www.malaysianmonarchy.org.my/malaysianmonarchy/?q=ms/pyungubur> (11 Ogos 2012).
- Wikipedia Ensiklopedia Bebas, 18 Jun 2011. "Keris Taming Sari". http://ms.wikipedia.org/wiki/Keris_Taming_Sari (17 Februari 2013).

Biodata Penulis:

Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali

Merupakan pensyarah kanan di Jabatan Kesusasteraan Melayu, Akademi Pengajian Melayu (APM), Universiti Malaya (UM). Sekarang memegang jawatan Timbalan Pengarah Penyelidikan dan Pembangunan APM. Memiliki Ijazah Pertama (Kesusasteraan Melayu) dari UM, Sarjana (Pengajian Melayu) dari UM dan Ph.D (Persuratan Melayu) dari Universiti Kebangsaan Malaysia.

Salinah Ja'afar

Merupakan pensyarah kanan di Jabatan Linguistik, Akademi Pengajian Melayu (APM), Universiti Malaya (UM). Sekarang memegang jawatan Ketua Jabatan Linguitik, APM. Memiliki Ijazah Pertama, Sarjana dan Ph.D dalam bidang Linguistik dari UM.